

**KESEJAHTERAAN ISI RUMAH MISKIN DI KEDAH:
APLIKASI KESEJAHTERAAN NEGARA KASAR (GNH)
(Well-Being of Poor Households in Kedah:
Gross National Happiness (GNH) Applications)**

Nur Zaidah Che Mohd Nor¹, Siti Hadijah Che Mat¹, Fauzi Hussin²

¹Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

²Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia

Emel: zaidahcmn@yahoo.com, hadijah@uum.edu.my, fauzi@uum.edu.my

ABSTRAK

Walaupun Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam pembangunan, masih terdapat isi rumah miskin (IRM) yang masih jauh dari arus pembangunan dan modernenan. Disebabkan itu, artikel ini memberi tumpuan yang lebih menyeluruh termasuk aspek kesejahteraan yang bersifat lebih subjektif bagi mengenalpasti faktor-faktor yang masih menyumbang kepada kemiskinan di negeri Kedah. Kajian dilakukan di 12 buah daerah dan melibatkan 400 ketua IRM dengan menggunakan kaedah pengukuran Kesejahteraan Negara Kasar (GNH). Nilai GNHI mangikut daerah mendapati hanya daerah Langkatwi sahaja yang dikategorikan sebagai sejahtera (nilai GNHI = 53%). Manakala daerah Pokok Sena pula mencatatkan nilai GNHI terendah (nilai GNHI = 24%). Oleh itu, bagi mencapai pembasmian kemiskinan dengan berkesan, satu pendekatan yang bersesuaian dan menyeluruh perlu dilakukan agar penyelesaian kepada isu kemiskinan dapat dilakukan mengikut keperluan.

KATA KUNCI: kemiskinan, kesejahteraan, Kedah, Kesejahteraan Negara Kasar (GNH)

ABSTRACT

Even Malaysia has made great progress in development, there are still poor households is still far from development and modernization.. Hence, this study focuses more comprehensively, including happiness aspects that more subjective to identify the factors that have contributed to the incidence of poverty in Kedah. This study was conducted in 12 districts involving 400 poor households by using Gross National Happiness Index (GNHI) measurement. The finding shown that Langkatwi is the happiest district (GNHI value = 53%) and Pokok Sena is the unhappiest district (GNHI value = 24%) in Kedah. Therefore, to achieve the eradication of poverty effectively, a comprehensive approach that is appropriate and should be done, so that the solution to the issue of poverty can be made as needed.

KEYWORDS: poverty, happiness, Kedah, Gross National Happiness (GNH).

1.0 PENDAHULUAN

Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi yang ketara semenjak beberapa dekad yang lalu. Namun, masih wujud isi rumah miskin yang masih jauh dari arus pembangunan dan permodenan, ini dapat dilihat dengan kadar kemiskinan di negeri Kedah yang meningkat sebanyak 20.79% atau 4 828 IRM dari tahun 2011 hingga 2013. Disebabkan itu, wujudnya kajian ini kerana di Malaysia masih terdapat kekurangan dalam kajian-kajian lepas yang kurang atau tidak memberi tumpuan terhadap kesejahteraan IRM. Kebanyakan kajian lepas hanya memberi tumpuan kepada aspek kebendaan sahaja dengan mengabaikan aspek bukan kebendaan seperti kesejahteraan.

Seterusnya kajian ini tertumpu kepada isu kemiskinan yang masih wujud di negeri Kedah. Hal ini kerana walaupun Kedah merupakan sebuah negeri pertanian, perindustrian dan pelancongan, namun penduduk negeri Kedah masih tidak mampu untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Ini dibuktikan dengan kadar kemiskinan negeri Kedah yang masih tidak berkurangan malah meningkat dari semasa ke semasa. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan yang lebih menyeluruh termasuk aspek kesejahteraan yang bersifat lebih subjektif bagi mengenalpasti faktor-faktor yang masih menyumbang kepada kadar kemiskinan di negeri Kedah.

Pengukuran satu dimensi dilihat tidak dapat memberi gambaran yang menyeluruh mengenai isu kemiskinan. Pengukuran satu dimensi seperti Indeks Foster, Greer dan Thorbecke (FGT) yang hanya melihat kepada dimensi pendapatan sahaja dan pengukuran utama yang digunakan adalah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pengukuran tersebut hanya dapat menentukan sama ada isi rumah tersebut miskin atau tidak dan secara keseluruhannya pengukuran ini mengabaikan aspek kesejahteraan, seterusnya pengukuran ini tidak mampu untuk mengenalpasti tahap sebenar kemiskinan yang dihadapi oleh IRM. Selain FGT, terdapat pengukuran kemiskinan pelbagai dimensi (MPI) yang digunakan bagi mengukur kemiskinan iaitu kaedah Alkire dan Foster (AF). Walaupun kaedah ini dapat mengenalpasti jurang kemiskinan dan ketaksamarataan yang berlaku, namun dimensi-dimensi yang digunakan adalah tidak menyeluruh dan terhad kepada dimensi taraf hidup, pendidikan dan kesihatan sahaja dan tidak mengambil kira aspek kesejahteraan.

Alkire & Santos (2009) menyatakan pendekatan satu dimensi sahaja mempunyai keterbatasannya kerana data yang dikumpul hanya mampu mengenalpasti isi rumah tersebut miskin atau tidak dan tidak mampu menyediakan maklumat yang menyeluruh terutama tentang kesejahteraan IRM. Meskipun kaedah MPI sedia ada mampu mengenalpasti taraf hidup, jurang dan ketaksamarataan yang berlaku di antara isi rumah miskin, Santos & Ura (2008) berpendapat kaedah MPI sedia ada hanya mengenalpasti isu kemiskinan bagi dimensi taraf hidup, kesihatan dan pendidikan sahaja dan tidak memberi tumpuan kepada kesejahteraan isi rumah miskin.

Disebabkan itu, pengukuran baru diperlukan untuk mengukur kesejahteraan IRM kerana kemiskinan dapat memberi kesan kepada pelbagai aspek, terutamanya gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat di bandar dan luar bandar. Oleh itu, suatu pengukur baru iaitu GNH perlu digunakan bagi melihat isu kemiskinan dari perspektif yang berlainan.

2.0 PERSOALAN DAN OBJEKTIF

Persoalan bagi kajian ini adalah apakah tahap sebenar ketidaksejahteraan IRM berdasarkan daerah dengan menggunakan pengukuran GNH? Persoalan ini adalah bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti tahap ketidaksejahteraan IRM berdasarkan daerah dengan menggunakan pengukuran GNH.

3.0 KAJIAN LEPAS

Rohany dan Fatimah (2006) berpendapat kesejahteraan manusia adalah satu aspek penting dalam kualiti kehidupan dan semakin diutamakan di negara maju dan di negara sedang membangun. Sehubungan itu, Siti Fatimah (2005) menjelaskan bahawa kesejahteraan hidup atau kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi ianya juga merangkumi aspek-aspek bukan material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan dan rasa belas kasihan antara individu. Sementara itu, Asmah (2000) dalam kajiannya turut menjelaskan bahawa komponen kesejahteraan sosial meliputi kesemua aspek penting dalam kehidupan manusia yang terdiri daripada pemakanan,

perlindungan, kesihatan, pendidikan, keselamatan, kestabilan sosial, rekreasi, persekitaran fizikal dan lebih pendapat. Oleh yang demikian, perkara penting dalam mengkaji kesejahteraan adalah dengan menentukan faktor yang mempengaruhi atau petunjuk kesejahteraan. Oleh itu, selepas merdeka, pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti atau kesejahteraan hidup semua lapisan masyarakat seperti menyediakan peluang meningkatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, kemudahan asas yang lain dan persekitaran pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun peningkatan kualiti atau kesejahteraan hidup ini tidak dinikmati secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat (Mohd Shaladdin, Wan Abdul Aziz dan Nik Wan, 2006).

Muhammad Shahbaz dan Naveed Aamir (2008) berpendapat bahawa tidak banyak penyelidikan berkaitan ekonomi kebajikan dan kesejahteraan manusia dilakukan. Hal ini kerana, penyelidikan ini lebih berbentuk kualitatif dan subjektif. Oleh hal yang demikian, wujudnya Gross National Happiness (GNH) yang dapat mengukur kesejahteraan isi rumah melalui sembilan dimensi yang telah ditetapkan iaitu merangkumi daya hidup masyarakat, budaya, pendidikan, kepelbagaian alam sekitar, tadbir urus, kesihatan, taraf hidup, kesejahteraan psikologi dan penggunaan masa. Santos dan Ura (2008) berpendapat kaedah ini adalah berbeza dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Keluaran Negara Kasar (KNK), di mana kedua-dua kaedah ini lebih tertumpu kepada pertumbuhan makroekonomi dan tidak mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan manusia.

Melalui hasil penyelidikan Santos dan Ura (2008) di Bhutan, didapati melalui GNH, telah berlaku peningkatan dalam pendapatan, pendidikan, akses kepada jalan raya, bilik, elektrik, tanah dan air. Oleh itu GNH atau pendekatan yang lebih tertumpu kepada kehidupan manusia dapat memastikan pembangunan mapan yang terbentuk dari ekonomi dan sosial sesebuah negara. Hal ini kerana semua aspek berkaitan kemiskinan dan kesejahteraan diambilkira, contohnya penduduk luar bandar dan bandar, lelaki dan wanita, institusi dan individu, umur dan pendapatan, agama dan politik serta budaya dan alam sekitar. Sehubungan itu, Bandyopadhyay (2005) berpendapat semua aspek ini perlu digabungkan untuk mewujudkan kesejahteraan agar pembuat polisi dapat mengenalpasti masalah yang wujud dari peringkat akar umbi.

Melalui isu kemiskinan di Malaysia, Chamhuri, Surtahman dan Norshamliza (2005) berpendapat secara kasarnya, negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan dan kemunduran ialah negeri-negeri yang kurang maju. Tambahan pula, masalah kemiskinan dan kemunduran masih tinggi di negeri yang kurang maju seperti Perlis, Kelantan, Terengganu, Kedah, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, secara khususnya, kadar kemiskinan dan kemunduran di Sabah dan Sarawak adalah lebih membimbangkan berbanding negeri-negeri di semenanjung. Disebabkan itu, Mohamed Saladin et al. (2011) berpendapat kemiskinan, jurang dan ketidakseimbangan perlu diukur dengan tepat bagi membolehkan pihak kerajaan memantau kemajuan program yang telah dilaksanakan, projek-projek yang masih dalam pelaksanaan dan memastikan kerajaan dapat mewujudkan intensif yang lebih relevan dengan keperluan masyarakat.

Sehubungan itu, Haryati dan Nurasyikin (2011) menyatakan bermula Rancangan Malaysia Kelapan status kualiti hidup telah mendapat tempat di Malaysia dimana setiap pertumbuhan ekonomi negara perlu disertai dengan peningkatan kualiti hidup seluruh rakyat. Pendekatan ini menjelaskan setiap penilaian kemajuan bukan hanya terarah kepada ekonomi, malahan telah memberi tumpuan kepada pertumbuhan manusia.

Keseluruhannya, Siti Hadijah, Roslan dan Siti Norliza (2012) menyatakan pengukuran kemiskinan di Malaysia pada masa kini kebiasaannya menggunakan pendekatan satu dimensi iaitu sama ada mengikut dimensi pendapatan ataupun perbelanjaan. Kaedah ini dirasakan kurang memberi petunjuk yang tepat tentang kemiskinan. Hal ini turut disokong oleh Faridah et. al. (2005) yang bersependapat bahawa pendekatan yang digunapakai bagi mengukur kemiskinan berdasarkan PGK mempunyai kelemahan kerana konsep ini bukan merupakan satu konsep kemiskinan yang menyeluruh dan tidak menggambarkan taraf hidup sebenar isi rumah. Sehubungan itu, Mohamed Saladin et al. (2011) berpendapat bahawa kaedah pengukuran multidimensional yang bersifat holistik dijangkakan mempunyai impak kerana dapat memberi alternatif kepada pihak berwajib untuk mengukur kemiskinan dengan lebih tepat.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Saiz Sampel

Sekaran (2003) mendefinisikan populasi merujuk kepada keseluruhan manusia dalam sesuatu kumpulan, fenomena atau sesuatu perkara yang menarik minat penyelidik. Sampel pula merupakan subset kepada populasi dan perlu bagi menjimatkan masa, perbelanjaan, tenaga dan sumber – sumber manusia terutamanya yang melibatkan populasi yang besar. Oleh itu, populasi bagi kajian ini adalah penduduk miskin di negeri Kedah dan sampel kajian pula adalah IRM yang berdaftar dengan e-Sinar. Bagi mencapai objektif kajian, data utama yang digunakan diperolehi daripada data primer iaitu kaji selidik yang dikumpul daripada ketua isi rumah (KIR) miskin di 12 daerah yang terdapat di negeri Kedah.

Sampel kajian yang dijadikan unit analisis adalah isi rumah miskin (IRM) yang berpendapatan di bawah nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM840 bagi bandar dan RM790 bagi luar bandar. Sejumlah 377 ketua IRM dipilih secara persampelan berstrata dan penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam Sekaran (2003). Agihan sampel adalah seperti Jadual 1 iaitu jumlah sampel bagi setiap daerah.

Jadual 1: Agihan sampel isi rumah miskin bagi setiap daerah

Daerah	Isi Rumah Miskin	Jumlah Sampel (n / 23 223)*377
BANDAR		
1. Kota Setar	4 419	72
2. Kuala Muda	2 247	36
3. Kubang Pasu	2 081	34
4. Kulim	1 083	18
5. Langkawi	298	5
6. Yan	1 751	28
LUAR BANDAR		
1. Baling	3 685	60
2. Bandar Baharu	283	5
3. Padang Terap	1 082	28
4. Pendang	1 285	21
5. Pokok Sena	1 587	26
6. Sik	3 422	56
JUMLAH	23 223	377

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Kedah

4.2 Reka Bentuk Persampelan

Pemilihan sampel kajian bergantung kepada bagaimana sesuatu sampel dipilih daripada sesuatu populasi. Selain daripada kaedah persampelan rawak mudah, reka bentuk persampelan yang bersistem merupakan satu alternatif yang bukan sahaja memudahkan pelaksanaan tetapi juga memberi lebih maklumat berbanding persampelan rawak mudah. Persampelan kebarangkalian yang dipilih bagi kajian ini adalah persampelan berstrata. Persampelan ini dipilih kerana ia dapat meningkatkan maklumat yang diperolehi dengan kos yang terhad. Berdasarkan Rajah 1, persampelan berstrata bagi kajian ini adalah dengan membahagikan populasi ketua isi rumah miskin (KIRM) kepada dua strata iaitu bandar dan luar bandar. Selepas mengenalpasti strata bagi KIRM, setiap daerah yang terdapat di negeri Kedah dikenalpasti dan dikategorikan sama ada diklasifikasikan kepada bandar atau luar bandar. Langkah terakhir persampelan ini adalah dengan mengenalpasti kawasan yang terlibat bagi setiap daerah.



Rajah 1: Reka Bentuk Persampelan Berstrata

4.3 Indeks Kesejahteraan Negara Kasar (GNHI)

Objektif kajian ini adalah bagi mengenalpasti tahap sebenar ketidaksejahteraan yang berlaku di kalangan IRM. Terdapat enam langkah bagi mencapai objektif ini.

1. tetapkan dimensi dan indikator.
2. tetapkan pemberat dan titik pemisah bagi setiap dimensi (*sufficiency cutoff*).
3. tetapkan titik pemisah bagi kesejahteraan (*happiness cutoff*).
4. kenalpasti IRM yang sejahtera dan tidak sejahtera.
5. kenalpasti peratus ketidakcukupan yang berlaku di kalangan IRM yang tidak sejahtera.
6. kenalpasti tahap kesejahteraan IRM mengikut bandar dan luar bandar, daerah dan jantina.

4.3.1 Pemberat (*weighting*)

Pemberat yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan pemberat yang telah digunapakai oleh *The Centre of Bhutan Studies* (CBS) bagi membentuk indeks GNH dan terdapat indikator-indikator yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian bagi IRM di Malaysia, khususnya negeri Kedah. Pemberat yang digunakan adalah seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Pemberat bagi setiap dimensi dan indikator

Dimensi	Indikator	Pemberat (%)	Sufficiency Cutoff
1. Taraf hidup	a. Pendapatan	17	Bandar ≤ RM840 – Tidak Sejahtera > RM840 -Sejahtera
			Luar Bandar ≤ RM790 – Tidak Sejahtera > RM790 – Sejahtera
	b. Perbelanjaan	17	> Pendapatan – Tidak Sejahtera ≤ pendapatan – Sejahtera
	c. Perumahan	17	Sedarhana/Usang – Tidak Sejahtera Baik – Sejahtera
	d. Pemilikan aset	17	Tidak Memiliki – Tidak Sejahtera Memiliki – Sejahtera
	e. Jaminan kewangan	17	Meminjam – Tidak Sejahtera Tidak Meminjam – Sejahtera
2. Kesihatan	f. Jaminan makanan	17	Menghadkan Makanan – Tidak Sejahtera Tidak Menghadkan Makanan – Sejahtera
	a. Penyakit	20	Ya – Tidak Sejahtera Tidak – Sejahtera
	b. Perkhidmatan kesihatan	20	Masalah – Tidak Sejahtera Tidak – Sejahtera
	c. Gaya Hidup Sihat	20	Tidak Tahu – Tidak Sejahtera Tahu – Sejahtera
	d. Merokok	20	Ya – Tidak Sejahtera Tidak – Sejahtera
e. Penyalahgunaan dadah	20	Ya – Tidak Sejahtera Tidak – Sejahtera	
3. Pendidikan	a. Persekolahan	25	Tidak Bersekolah – Tidak Sejahtera Bersekolah – Sejahtera
	b. Celik huruf	25	Mempunyai – Tidak Sejahtera Tidak Mempunyai – Sejahtera
	c. Kemahiran	25	Tidak Mahir – Tidak Sejahtera Mahir – Sejahtera
	d. Teknologi maklumat	25	Tidak Mahir – Tidak Sejahtera Mahir – Sejahtera

(bersambung)

(sambungan)

4. Masa	a. Bekerja	33	Melebihi 8 Jam – Tidak Sejahtera Tidak Melebihi 8 Jam – Sejahtera
	b. Berehat	33	Tidak Melebihi 8 Jam – Tidak Sejahtera Melebihi 8 Jam – Sejahtera
	c. Tidur	33	Tidak Melebihi 8 Jam – Tidak Sejahtera Melebihi 8 Jam – Sejahtera
5. Psikologi	a. Tekanan	33	Tertekan – Tidak Sejahtera Tidak Tertekan – Sejahtera
	b. Emosi positif	33	Tidak – Tidak Sejahtera Ya – Sejahtera
	c. Emosi negatif	33	Ya – Tidak Sejahtera Tidak – Sejahtera
6. Masyarakat	a. Keselamatan	33	Tidak Selamat – Tidak Sejahtera Selamat – Sejahtera
	b. Masyarakat	33	Tidak Erat – Tidak Sejahtera Erat – Sejahtera
	c. Kekeluargaan	33	Tidak Erat – Tidak Sejahtera Erat – Sejahtera
7. Kerajaan	a. Perkhidmatan kerajaan	100	Tidak Setuju – Tidak Sejahtera Setuju – Sejahtera

4.3.2 Titik pemisah (cutoffs)

Titik pemisah yang digunakan adalah *sufficiency cutoff* (seperti dalam Jadual 2) dan *happiness cutoff*. *Sufficiency cutoff* adalah titik pemisah yang akan membezakan sama ada IRM berada di bawah atau di atas paras kesejahteraan bagi setiap indikator dan dimensi. *Sufficiency cutoff* juga menunjukkan dapat mengenalpasti sama ada IRM menikmati tahap kesejahteraan yang telah ditetapkan atau tidak. *Happiness cutoffs* ditentukan melalui tiga titik pemisah iaitu merujuk kepada isi rumah yang mencapai tahap kesejahteraan pada kadar 50%, 66% dan 77%. Melalui *cutoffs* ini, isi rumah dapat dikategorikan kepada empat kumpulan iaitu sangat tidak sejahtera, tidak sejahtera, sejahtera dan sangat sejahtera.

Secara matematik, GNHI diperolehi melalui formula berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{GNH} &= 1 - \text{HnAn} \\
 &= 1 - \text{HnAn} - \text{Hn} + \text{Hn} \\
 &= (1 - \text{Hn}) + (\text{Hn} - \text{HnAn}) \\
 &= (1 - \text{Hn}) + (\text{Hn})(1 - \text{An}) \\
 &= \text{Hh} + (\text{Hn} \times \text{As})
 \end{aligned}
 \tag{16}$$

di mana,

$$(1 - H_n) = H_h$$

$$(1 - A_n) = A_s$$

H_h = peratus IRM yang sejahtera

H_n = peratus IRM yang tidak sejahtera

A_s = purata kecukupan yang berlaku dalam kalangan IRM yang tidak sejahtera (peratus)

A_n = purata ketidakcukupan yang berlaku dalam kalangan IRM yang tidak sejahtera (peratus)

5.0 DAPATAN KAJIAN

Bagi mengenalpasti GNHI mengikut daerah (bandar), Jadual 3 menunjukkan hanya daerah Langkawi sahaja yang mencatatkan nilai GNHI pada 53% iaitu pada titik pemisah kesejahteraan 50%. Ini menunjukkan hanya IRM Langkawi sahaja yang berada dalam kategori sejahtera. Walau bagaimanapun, pada titik pemisah kesejahteraan 66% dan 77%, didapati IRM Langkawi adalah tidak sejahtera (nilai GNHI = 48% dan 49%). Oleh itu, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa IRM bagi daerah lain iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim dan Yan adalah tidak sejahtera. Di mana nilai GNHI yang diperolehi adalah di bawah 50%. Dapatan juga menunjukkan semakin tinggi happiness cutoff yang ditetapkan, semakin rendah nilai GNHI yang diperolehi.

Dari aspek dimensi dan indikator, ketidaksejahteraan IRM bandar dipengaruhi oleh tiga dimensi utama iaitu masa, taraf hidup dan kerajaan. Ini dapat dilihat melalui Jadual 6.1 iaitu peratus ketidaksejahteraan IRM bandar bagi setiap dimensi. Namun, bagi Jadual 2, ketidaksejahteraan IRM bandar dipengaruhi oleh pendapatan, bekerja dan tidur. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tiga faktor utama yang mendorong kepada ketidaksejahteraan IRM bandar adalah masa, taraf hidup dan kerajaan. Dapatan ini jelas membuktikan IRM bandar masih tidak dapat mengagihkan masa dengan seimbang iaitu masa untuk bekerja, berehat dan tidur. Disebabkan oleh peruntukan masa yang tidak berkesan, IRM bandar hanya dapat memperuntukkan masa untuk melakukan pekerjaan utama sahaja. Ini menyebabkan IRM bandar tidak dapat melakukan pekerjaan sampingan untuk menambah pendapatan. Ini seterusnya akan mempengaruhi taraf hidup IRM bandar. Keadaan ini bertambah serius

kerana 55.4% IRM bandar didapati tidak mempunyai sebarang kemahiran bagi membantu mereka untuk melakukan pekerjaan sampingan.

Dari aspek strata iaitu bandar, didapati ketidaksejahteraan IRM bandar ini adalah berpunca daripada migrasi IRM luar bandar ke bandar. Dengan berbekalkan tahap pendidikan yang rendah dan kekurangan kemahiran, IRM yang berhijrah ini tidak berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, secara tidak langsung ia akan mempengaruhi ketidaksejahteraan IRM bandar.

Walau bagaimanapun, setiap daerah yang berada di bawah strata bandar merupakan lokasi yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan seperti perindustrian dan pelancongan. Namun, IRM bandar masih tidak dapat merebut peluang tersebut untuk menambah pendapatan mereka. IRM bandar juga menyatakan bahawa faktor utama yang menyebabkan IRM bandar sukar untuk keluar daripada kemiskinan adalah kerana malas, tiada matlamat atau impian untuk keluar daripada kemiskinan, merasakan kehidupan mereka sekarang adalah sudah baik dan mengharapkan bantuan tanpa mahu berusaha. Dengan mempunyai persepsi yang sedemikian, adalah sukar bagi pihak pembuat polisi untuk mengubah kehidupan IRM bandar. Secara kesimpulannya, walaupun terdapat pelbagai bantuan, sokongan dan program yang dilaksanakan namun IRM perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

Jadual 3: Indeks Kesejahteraan Negara Kasar (GNHI)
mengikut daerah (bandar)

Daerah	Titik Pemisah ¹	IRM Sejahtera (Hh)	IRM Tidak Sejahtera (Hn)	Kekurangan (As) ²	GNHI
1.Kota Setar	50	15	85	34	44
	66	1	99	42	43
	77	1	99	42	43
2.Kuala Muda	50	6	94	34	38
	66	0	100	37	37
	77	-	-	-	-
3.Kubang Pasu	50	4	86	34	39
	66	8	92	37	42
	77	3	97	41	43
4.Kulim	50	11	89	33	40
	66	0	100	39	39
	77	-	-	-	-

(bersambung)

(sambungan)

5.Langkawi	50	37	63	25	53
	66	19	81	36	48
	77	0	100	49	49
6.Yan	50	4	96	35	38
	66	0	100	37	37
	77	-	-	-	-

Nota: ¹ merujuk kepada titik pemisah kesejahteraan (*happiness cutoff*)

² merujuk kepada kekurangan yang dihadapi di kalangan IRM yang tidak sejahtera
Nilai adalah di dalam peratus (%)

Secara keseluruhannya, Jadual 4 menunjukkan IRM bagi setiap daerah (luar bandar) berada dalam kategori tidak sejahtera. Walau bagaimanapun, hanya daerah Pokok Sena sahaja yang menunjukkan nilai GNHI sebanyak 24%. Ini menjelaskan bahawa IRM daerah Pokok Sena berada dalam kategori sangat tidak sejahtera (GNHI = 25% ke bawah). Kenaikan kos sara hidup juga merupakan penyumbang atau penyebab utama berlakunya ketidaksejahteraan di kalangan IRM luar bandar. Selain kenaikan kos sara hidup, ketidaksejahteraan IRM daerah Pokok Sena juga dipengaruhi oleh jenis pekerjaan IRM. Di mana kebanyakan IRM di daerah ini hanya bekerja dalam sektor pertanian yang sememangnya mempunyai kadar upah yang rendah.

Bagi IRM luar bandar, dimensi utama yang menyumbang kepada ketidaksejahteraan adalah kerajaan, masa dan psikologi. Bagi indikator pula, tiga indikator utama yang mempengaruhi adalah pendapatan, teknologi maklumat dan pemilikan aset. Ini menunjukkan IRM luar bandar mempunyai masalah dengan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Selain itu, IRM luar bandar juga didapati lebih mengharapkan bantuan kerajaan untuk membantu mereka keluar dari kemiskinan. Namun begitu, IRM luar bandar perlu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pengagihan masa, kerana pengagihan masa yang tidak seimbang akan mempengaruhi ketidaksejahteraan terutamanya masa untuk bekerja. Kegagalan untuk memperuntukkan masa akan menyebabkan pelbagai antaranya IRM hanya mampu untuk melakukan pekerjaan utama sahaja dan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk pekerjaan sampingan yang dapat membantu mereka menambah pendapatan.

Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, dan pendapatan yang rendah, IRM luar bandar berhadapan dengan pelbagai masalah kewangan dan seterusnya mempengaruhi psikologi IRM. Ini kerana hampir 97% IRM luar bandar berpendapat tekanan atau stres yang dihadapi adalah berpunca daripada masalah

kewangan yang dihadapi. Masalah kewangan ini juga menghalang IRM luar bandar untuk memiliki aset seperti saham dan simpanan. Selain itu, mereka juga terhalang daripada memperoleh akses kepada teknologi maklumat.

Dari aspek lokasi pula. Dapatan ini mewujudkan satu persoalan mengapa Baling lebih sejahtera daripada Pokok Sena? Sedangkan lokasi Pokok Sena adalah berhampiran dengan pusat pentadbiran iaitu Kota Setar dan mempunyai kawasan perindustrian. Bukan itu sahaja, lokasi Pokok Sena juga berada di tengah-tengah antara daerah Padang Terap, Pendang dan Kota setar. Oleh itu, akses kepada peluang pekerjaan adalah lebih tinggi berbanding Baling yang dapat dikatakan jauh dari pusat pentadbiran dan perindustrian. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa punca ketidaksejahteraan IRM Pokok Sena adalah disebabkan oleh diri sendiri yang mengharapkan bantuan dan tidak mahukan perubahan yang lebih baik dalam kehidupan.

Jadual 4: Indeks Kesejahteraan Negara Kasar (GNHI) mengikut daerah (luar bandar)

Daerah	Titik Pemisah ¹	IRM Sejahtera (Hh)	IRM Tidak Sejahtera (Hn)	Kekurangan (As) ²	GNHI
1.Baling	50	17	83	30	42
	66	0	100	42	40
	77	-	-	-	-
2.Bandar Baharu	50	0	100	34	34
	66	-	-	-	-
	77	-	-	-	-
3.Padang Terap	50	0	100	38	38
	66	-	-	-	-
	77	-	-	-	-
4.Pendang	50	10	90	34	40
	66	0	100	39	39
	77	-	-	-	-
5.Pokok Sena	50	0	100	24	24
	66	-	-	-	-
	77	-	-	-	-
6.Sik	50	4	96	33	36
	66	0	100	35	35
	77	-	-	-	-

Nota: ¹ merujuk kepada titik pemisah kesejahteraan (happiness cutoff)

² merujuk kepada kekurangan yang dihadapi di kalangan IRM yang tidak sejahtera
Nilai adalah di dalam peratus (%)

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini dapat dikategorikan di dalam bidang kajian sosiologi ekonomi pembangunan dengan memberi tumpuan kepada isu kesejahteraan IRM di negeri kurang membangun iaitu negeri Kedah. Kajian ini juga secara tidak langsung adalah untuk merealisasikan aspirasi kerajaan melalui strateginya untuk mensejahterakan rakyat. Hal ini adalah kerana bermula dengan Belanjawan 2010, kerajaan komited untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Oleh yang demikian, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan atau panduan kepada pembuat polisi mengenai punca sebenar kepada masalah kemiskinan yang masih wujud di negeri Kedah. Kajian ini mampu menyediakan gambaran sebenar dan menyeluruh mengenai kemiskinan bandar dan luar bandar. Ini kerana kajian ini bukan hanya memberi tumpuan kepada aspek material sahaja, malah memberi penekanan kepada aspek yang lebih subjektif iaitu kesejahteraan. Oleh itu, kajian ini membolehkan pihak pembuat polisi melaksana dan memantau kemajuan program dan memastikan agar ia lebih relevan dengan keperluan masyarakat. Seterusnya dapat memastikan kemajuan yang dicapai dapat dinikmati oleh semua masyarakat.

RUJUKAN

- Alkire, S. & Santos, M. E. (2009). *Multidimensional poverty measures: New potential*. The 3rd World Forum on 'Statistics, Knowledge and Policy, Busan, Korea.
- Asmah Ahmad. (2000). *Kualiti hidup dan pengurusan persekitaran di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Bandyopadhyay, L. (2005). Bhutan and Gross National Happiness: An attempt at a shift in global development paradigm. *Global India Foundation*.
- Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. (2005). *Ekonomi Malaysia* (edisi keenam). Kuala Lumpur: Pearson.
- Faridah Abu Hassan, et. al. (2005). Kemiskinan dan pendidikan: perubahan minda orang Melayu ke arah kecemerlangan pendidikan akademik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7, 25-56.

- Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam. (2011). *Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar ke-3, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh & Noraini Idris. (2011). Poverty measurement in Malaysia: A survey of the literature. *Akademika*, 81 (1), 73-81.
- Mohd Shaladin Muda, Wan Abdul Aziz Mohd Amin & Nik Wan Omar. (2006). Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 59-78.
- Muhammad Shahbaz & Naveed Amir. (2008). Macroeconomic determinants of poor's happiness: A case study of Pakistan. *Journal of Economic and Social Policy*, 5 (1), 9-27.
- Rohany Nasir & Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*, (sunt). Penerbit UKM: Bangi.
- Santos, M. E. & Ura, K. (2008). Multidimensional poverty in Bhutan: Estimates and policy implications. *Journal of Bhutan Studies*, 18.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business – A skill Building Approach*, 4th ed. New York: Wiley and Sons.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (2005). *Kriteria kualiti hidup berkeluarga*. Dicapai pada Januari 15, 2013 daripada <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>.

